

21 NOV 1997

MASYARAKAT PERNIAGAAN SAMBUT BAIK NEAC

Oleh: Muammar Kamaruddin, Yati Mohd Yassin dan Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Masyarakat perniagaan Malaysia menyambut baik penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC), dan berkata badan sedemikian adalah penting bagi menangani masalah ekonomi semasa dengan cepat.

Beberapa penganalisis korporat berkata, ia sepatutnya telah lama ditubuhkan bagi menangani isu-isu yang melanda negara ini, manakala yang lainnya berkata orang ramai tidak seharusnya mengharapkan masalah akan selesai sekelip mata.

Anthony Dass, pakar ekonomi kanan bagi penyelidikan dari TA Securities Bhd, berkata majlis itu akan menjadi sebuah badan pengawal yang mengawasi isu-isu yang diberi penekanan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dan mencari jalan bagi mengatasinya.

Katanya NEAC merupakan satu idea yang baik untuk mengawasi kadar inflasi, mengatasi defisit akan semasa serta meningkatkan daya pengeluaran negara. Beliau menambah kata bahawa kesan positif tidak akan didapati dalam waktu yang singkat tetapi hanya dirasai selepas beberapa bulan.

Idea menggabungkan tenaga sektor awam dan swasta adalah baik kerana ia akan dapat menyelesaikan masalah pada kadar yang lebih cepat, katanya.

Tan Sri Ramon Navaratnam, Penasihat Sungeiway Group berkata penubuhan panel bertindak itu merupakan langkah kerajaan yang sungguh berinovasi dan membina, yang berlainan daripada dialog belanjawan, dialog Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Majlis Perniagaan Malaysia (MBC).

Dialog-dialog ini dan MBC lebih bertujuan untuk menjaga kepentingan ahli tetapi panel bertindak ini berbeza, katanya, sambil menambah bahawa "kepentingan perniagaan MBC mungkin tidak konsisten dengan kepentingan ekonomi negara, kerana ia mementingkan perniagaan, yang akan menimbulkan lebih banyak masalah import dan imbalan pembayaran," tegas beliau.

Para profesional, pakar ekonomi, ahli perniagaan, pakar perdagangan dan wakil-wakil pengguna harus menganggotai majlis ini kerana mereka ini akan lebih berminat untuk memberi tumpuan kepada kepentingan negara daripada kepentingan sendiri, katanya.

Majlis ini seharusnya memberi tumpuan kepada usaha mengawasi dan memberikan maklumbalas yang konsisten bagi membolehkan kerajaan merumuskan dasar-dasar yang lebih dinamis, dengan mengambil kira perubahan ekonomi yang pesat, serta perkembangan kewangan di seluruh dunia, kata Navaratnam.

"Dalam kita bergerak ke arah globalisasi, kita mesti lebih berwaspada dan mendengar dengan teliti apa orang lain fikir tentang kita.

Di dunia ini, katanya, mereka yang menguasai sumber kewangan adalah berkuasa, dan Malaysia mesti belajar mempertahankan diri dan menyerang balas," katanya.

Walaupun menyokong NEAC, seorang penganalisis berkata, kerajaan seharusnya mengadakan syarat-syarat yang jelas tentang majlis ini, tujuan khususnya dan anggota-anggota majlis.

Dengan cara hanya melantik ahli-ahli majlis kira-kira sebulan dari sekarang, mungkin memberi peluang kepada berlakunya spekulasi buruk tentang ekonomi negara, katanya, sambil menambah ia seharusnya ditubuhkan lebih awal, ketika tanggapan negatif begitu tinggi.

Pada tanggapan orang luar, wujud krisis di dalam negara walaupun pada hakikatnya tidak sedemikian. -- BERNAMA

MK YY SHO KY MA

